

UUM/SS 88 / um / 20.06.2005 / p: 14(4)

Island Campus Training Centre ^{UM} ditutup ^{20/6/05} ^{14:4}

SINTOK 19 Jun — Island Campus Training Centre (ICTC), pusat latihan kemahiran di Pulau Langkawi yang dimiliki oleh Uniutama Management Sdn Bhd (UMSB), anak syarikat Universiti Utara Malaysia (UUM) juga terpaksa ditutup operasinya bulan ini kerana kekurangan pelajar.

Ketua Pegawai Eksekutif USB, Prof. Madya Dr. Ayoib Che Ahmad memberitahu, daripada 25 pelajar pertama yang diambil tahun lalu, hanya 18 sahaja yang menamatkan pengajian dan menerima sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Pengambilan kedua pelajar pada 22 Mac lalu pula hanya empat orang dan pengambilan ketiga 20 orang, katanya.

Menurutnya, oleh kerana tidak dapat beroperasi akibat kekurangan pelajar, pengambilan terakhir telah dipindahkan ke Kolej Komuniti Kelantan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Kos pengajian yang tinggi, iaitu RM4,000 untuk lapan bulan berbanding kos pengajian di Kolej Komuniti yang lebih murah iaitu RM800 untuk tempoh dua tahun adalah antara faktor pusat latihan kemahiran USB kurang mendapat sambutan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penutupan 600 pusat latihan vokasional bertauliah milik bumiputera seperti yang didedahkan *Mingguan Malaysia* hari ini berikutan kerana kekurangan pelajar ekoran tiada penaja.

Menurut Presiden Persatuan Kebangsaan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Bumiputera, Prof. Datuk Dr. Ismail Md Salleh semalam, kebanyakan pelajar di pusat tersebut adalah pelajar Melayu yang bergantung sepenuhnya kepada tajaan kerajaan.

Ayoib memberitahu, USB tidak bercadang membarui lesen yang diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia yang akan tamat 30 Jun ini.

Katanya, pusat latihan itu juga tidak mendapat sambutan kerana terpaksa bersaing dengan kolej yang menawarkan pengajian lanjutan peringkat diploma yang memberikan banyak pilihan kepada pelajar.